



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERKAITAN ANTARA PENCAPAIAN AKADEMIK
PERSEKITARAN KELUARGA DAN FAKTOR
PERSONALITI DALAM KALANGAN
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
BERPRESTASI RENDAH**

NYANAMANY A/P SEENI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan antara faktor personaliti dan persekitaran keluarga terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. Objektifnya mengkaji tahap pencapaian akademik mengikut jantina, bangsa dan lokasi sekolah, menentukan tahap persekitaran keluarga dari segi keakraban keluarga, pernyataaan perasaan dan konflik keluarga serta faktor personaliti ekstroversi dan neurotik serta sumbangan persekitaran keluarga dan dimensi personaliti terhadap pencapaian akademik pelajar tingkatan empat sekolah berprestasi rendah daerah Kinta Utara. Inventori '*Family Environment Scale*' digunakan untuk mengukur tahap persekitaran keluarga dan Inventori Personaliti Junior Eysenck bagi mengesan personaliti pelajar dalam kajian ini. Sejumlah 466 responden dari tingkatan empat dipilih secara rawak berkelompok dari 12 buah sekolah yang mendapat Gred Purata Sekolah (GPS) 3.0 dan ke atas dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun 2012 terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pencapaian akademik pelajar perempuan adalah lebih tinggi daripada pelajar lelaki. Tahap pencapaian pelajar berbangsa Cina lebih tinggi daripada pelajar Melayu dan India. Seterusnya responden yang tinggal di kawasan luar bandar mempunyai skor min yang tinggi berbanding dengan pelajar yang tinggal di kawasan bandar. Sebanyak 76.2% responden kajian memiliki personaliti introversi dan selebihnya 23.8% responden berpersonaliti ekstroversi. Aspek personaliti neurotik peramal kepada prestasi pencapaian akademik pelajar sekolah menengah berprestasi rendah. Manakala bagi dimensi persekitaran keluarga, aspek konflik keluarga mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar. Didapati bahawa aspek keakraban keluarga dan pernyataan perasaan tidak menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar. Walaubagaimanapun kajian ini memperolehi dapatan bahawa konflik keluarga memberi sumbangan yang besar terhadap pencapaian akademik berbanding dengan faktor personaliti. Semakin banyak keluarga yang menghadapi konflik keluarga dalam sesuatu kawasan maka pencapaian pelajar akan menurun dalam kawasan tersebut.





RELATIONSHIP BETWEEN ACADEMIC ACHIEVEMENT, FAMILY ENVIRONMENT AND PERSONALITI FACTORS AMONG LOW - PERFORMING SECONDARY SCHOOL

ABSTRACT

The aim of this study was to identify the relationship between personality factors and family environment on academic achievement among secondary school students. The objective were to study the level of academic achievement by gender, race and location of the school, to determine the level of the family environment in terms of family closeness, statements of feeling and family conflict and extrovert and neurotic personality factors as well as the contribution of family environment and personality dimensions towards the academic achievement levels of form four students from low performing schools in the Northern Kinta district. The 'Family Environment Scale' was used to measure the level of family environment and the 'Junior Eysenck Personality Inventory' to measure student's personality were used in this study. A total of 466 respondents in the fourth form were randomly selected from 12 schools that scored Grade Point Average (CGPA) of 3.0 and above in the 2012 Penilaian Menengah Rendah (PMR) examination were involved in this study. The results showed that the level of academic achievement of girls was higher than boys. The achievement levels of Chinese students were higher than the Malay and Indian students. In addition, respondents living in rural areas had higher mean scores than students who live in urban areas. 76.2% of the respondents have an introverted personality and the remaining 23.8% extrovert's personality. The neurotic personality aspect is a predictor of the academic achievement of students in low performing schools. On the other hand, within the dimension of family environment, the aspect of family conflict is related to students' academic achievements. It was found that aspects of family closeness and statements of feeling do not contribute to academic achievement. Nonetheless, this study obtained finding that family conflict has a more significant contribution towards academic achievement as compared with personality factors. Student's academic achievement will decline in an area if more and more families facing family conflict in that area.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1 PENDAHULUAN



05-4506832



1.1 pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



1 ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian	8
1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	27
1.5 Persoalan Kajian	28
1.6 Hipotesis kajian	28
1.7 Rasional Kajian	29
1.8 Kepentingan Kajian	30
1.9 Batasan Kajian	32
1.10 Definasi Konsep dan Operasional	33
1.10.1 Persekutaran keluarga	33
1.10.2 Faktor Personaliti	36
1.10.3 Pencapaian Akademik	41
1.11 Kerangka Konsep Kajian	43
1.12 Rumusan	44



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	45
2.1 Pengenalan	45
2.2 Kerangka Teori	47
2.3 Persekutaran keluarga	48
2.3.1 Teori Ekologi Pembangunan Manusia	51
2.3.2 Teori Sistem Keluarga	58
2.3.3 Model Keteguhan Keluarga	60
2.4 Teori Personaliti	62
2.4.1 Teori Personaliti Hans J. Eysenck	63
2.4.2 Teori Psikodinamik	66
2.4.3 Teori Situationisme	67
2.4.4 Teori Humanisme	68
2.4.5 Teori Interaksionisme	69
2.4.6 Teori Trait	69
2.5 Pencapaian Akademik	70
2.5.1 Teori Keperluan Kepada Pencapaian (McClelland)	70
2.6 Kajian - Kajian Lepas	71
2.6.1 Kajian Persekutaran Keluarga dengan Pencapaian Akademik	71
2.6.2 Kajian Personaliti dengan Pencapaian Akademik	93
2.7 Kerangka Teori	100
2.8 Kesimpulan	102
 BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	 103
3.1 Pengenalan	103
3.2 Reka bentuk Kajian	105
3.2.1 Reka Bentuk Kerja	108
3.3 Populasi Kajian	113
3.4 Sampel Kajian	114
3.5 Instrumen Kajian	115





3.6	Kaedah Pengumpulan Data	120
3.7	Tatacara Analisis Data	121
	3.7.1 Analisis Regresi Berganda	122
3.8	Kajian Rintis	125
3.9	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	126
	3.9.1 Inventori Personaliti Eysenck Junior (Jepi)	126
	3.9.2 Inventori Persekutaran Keluarga	128
3.10	Kesimpulan	129

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN 131

4.1	Pengenalan	131
4.2	Profil Responden	133
	4.2.1 Jantina Responden	134
	4.2.2 Agama Responden	134
	4.2.3 Pengangkutan Responden	135
	Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	ptbupsi
	4.2.4 Jenis Pekerjaan Bapa Responden	136
	4.2.5 Jenis Pekerjaan Ibu Responden	136
	4.2.6 Pendapatan Keluarga Responden	137
	4.2.7 Latarbelakang ibu bapa	138
	4.2.8 Tinggal Bersama Siapa Responden	139
4.3	Apakah tahap pencapaian akademik mengikut jantina, bangsa dan lokasi tempat tinggal dalam kalangan pelajar tingkatan empat sekolah menengah berprestasi rendah di Daerah Kinta Utara?	140
	4.3.1 Kelulusan PMR Responden	141
	4.3.2 Tahap Pencapaian Akademik mengikut Jantina	142
	4.3.3 Tahap Pencapaian Akademik mengikut kaum	143
	4.3.4 Tahap Pencapaian Akademik mengikut Lokasi Tempat Tinggal	144
4.4	Apakah tahap persekitaran keluarga dari segi keakraban keluarga, pernyataan perasaan keluarga dan konflik keluarga dalam kalangan	





pelajar tingkatan empat sekolah menengah berprestasi rendah di Daerah Kinta Utara?

145

- 4.5 Apakah jenis dimensi personaliti yang utama dimiliki seperti ekstroversi atau neurotisme dalam kalangan pelajar tingkatan empat sekolah menengah berprestasi rendah di Daerah Kinta Utara? 151
- 4.6 Analisis Inferensi 154
- 4.7 Adakah tahap persekitaran keluarga boleh meramalkan secara signifikan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar tingkatan empat sekolah menengah berprestasi rendah di daerah Kinta Utara? 165
- 4.8 Adakah dimensi personaliti boleh meramalkan secara signifikan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar tingkatan empat sekolah menengah berprestasi rendah di daerah Kinta Utara? 169
- 4.9 Sejauh manakah sumbangan dimensi personaliti dan persekitaran keluarga, dalam meramalkan pencapaian akademik pelajar? 172
- 4.10 Rumusan 173

**BAB 5 PERBINCANGAN**

- 5.1 Pengenalan 174
- 5.2 Perbincangan Dapatan Kajian 175
- 5.2.1 Faktor Persekitaran Keluarga 181
- 5.2.2 Hubungan antara Persekitaran Keluarga dengan Pencapaian Akademik 186
- 5.2.3 Faktor Personaliti 202
- 5.2.4 Personaliti dengan Pencapaian Akademik 204
- 5.2.5 Hubungan/Pengaruh Persekitaran Keluarga dan Dimensi Personaliti terhadap Pencapaian Akademik 211
- 5.3 Rumusan Dapatan Kajian 217
- 5.4 Implikasi Dapatan Kajian 220
- 5.5 Cadangan Kajian Lanjutan 223
- 5.6 Kesimpulan 224





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X

RUJUKAN	225
LAMPIRAN	252
LAMPIRAN A Soal Selidik	252
LAMPIRAN B Surat-Surat Kelulusan Kajian	260
LAMPIRAN C Prestasi Sekolah Berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS)	263
LAMPIRAN D Hubungan Persekutuan Keluarga Dengan Pencapaian Akademik	264
LAMPIRAN E Perhubungan Dimensi Personaliti Dengan Pencapaian Akademik	265
LAMPIRAN F Dimensi persekitaran keluarga dengan pencapaian akademik	266



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

1. 1	Keputusan PMR tahun 2012	23
1. 2	Pencapaian PMR mengikut Daerah Negeri Perak 2012	25
1. 3	Pencapaian PMR di Daerah Kinta Utara Negeri Perak	26
1. 4	Senarai Sekolah Yang Mendapat GPS yang Paling Tinggi Dalam Pencapaian PMR 2012 di daerah Kinta Utara Negeri Perak	33
3. 1	Senarai Sekolah Yang Mendapat GPS yang Paling Tinggi Dalam Pencapaian PMR 2011 di daerah Kinta Utara Negeri Perak	114
3. 2	Agihan Bahagian Dalam Instrumen Kajian	116
3. 3	Gred, Pangkat, Markah dan Nilai Bagi Pemarkahan	117
3. 4	Pembahagian Item Berdasarkan Dimensi keagraban, pernyataan perasaan dan konflik keluarga	118
3. 5	Pembahagian Item Berdasarkan Dimensi Personaliti	119
3. 6	Pemarkahan Item Bahagian B	120
3. 7	Nilai Korelasi Item-Faktor Bagi Soal Selidik Persekutuan Keluarga	129
4. 1	Bilangan Pelajar Mengikut Jantina	134
4. 2	Bilangan Pelajar Mengikut Agama	134
4. 3	Bilangan Pelajar Mengikut Pengangkutan ke sekolah	135
4. 4	Bilangan Pelajar Mengikut Jenis Pekerjaan Bapa	136
4. 5	Bilangan Pelajar Mengikut Jenis Pekerjaan Ibu	136
4. 6	Bilangan Pelajar Mengikut Pendapatan Keluarga	137
4. 7	Bilangan Pelajar Mengikut Pendidikan Tertinggi Ibu dan Bapa	138





4. 8	Bilangan Pelajar Mengikut Tinggal Bersama	139
4. 9	Bilangan Pelajar Mengikut Kelulusan PMR	141
4. 10	Analisis Deskriptif Tahap Pencapaian Akademik mengikut Jantina	142
4. 11	Analisis Deskriptif Tahap Pencapaian Akademik mengikut kaum	143
4. 12	Analisis Deskriptif Tahap Pencapaian Akademik mengikut Lokasi Tempat Tinggal	144
4. 13	Analisis Deskriptif Tahap Persekutaran Keluarga dari segi aspek Keakraban Keluarga, Pernyataan Perasaan dan Konflik Keluarga	147
4. 14	Skor Item Keakraban Keluarga	149
4. 15	Skor Item Pernyataan Perasaan Keluarga	150
4. 16	Skor Item Konflik Keluarga	151
4. 17	Taburan Kekerapan Dimensi Personaliti Ekstroversi	152
4. 18	Taburan Kekerapan Dimensi Personaliti Ekstroversi Mengikut Jantina	152
4. 19	Taburan Kekerapan Dimensi Personaliti Neorotisme	153
4. 20	Taburan Kekerapan Dimensi Personaliti Neorotisme Mengikut Jantina	154
4. 21	Keputusan Ujian Normaliti Bagi Variable Keluarga	157
4. 22	Keputusan Ujian Normaliti Bagi Variable Personaliti	158
4. 23	Keputusan Ujian Normaliti Bagi Variable Pencapaian	159
4. 24	Ujian Lineariti Keluarga	161
4. 25	Lineariti Personaliti	162
4. 26	Statistik Kolineariti Toleran Bagi Pembolehubah Peramal Keluarga	164
4. 27	Ringkasan Model Mengikut Sumbangan Faktor Peramal Terhadap Pembolehubah Bersandar Persekutaran Keluarga.	166
4. 28	Keputusan Analisis ANOVA Bagi Model Regresi Berganda Persekutaran keluarga	167
4. 29	Ringkasan Koeffisyen Mengikut Model Regresi Berganda Persekutaran Keluarga.	168





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii

4. 30	Ringkasan Model Mengikut Sumbangan Faktor Peramal Terhadap Pembolehubah Bersandar Personaliti.	170
4. 31	Keputusan Analisis ANOVA Bagi Model Regresi Berganda Personaliti	170
4. 32	Ringkasan Koeffisyen Mengikut Model Regresi Berganda Persekutaran Keluarga.	171
4. 33	Analisis Regreasi Berganda Antara Dimensi Persekutaran Keluarga, Dimensi Persoanlitik dan Pencapaian Akademik	172



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1. 1 Pengaruh Personaliti dan persekitaran keluarga dalam pencapaian	43
2. 2. Model Ekologi Pembangunan Manusia (Bronfenbrenner, 1979)	55
2. 3. Empat Kategori berasingan Individu Berdasarkan Dua Dimensi	64
2. 4. Kerangka Teori	101
3. 1 Komponen reka bentuk kerja (working design) kajian yang dijalankan oleh pengkaji berpandukan reka bentuk Wiersma (1991;82)	109
3. 2 Prosedur Kajian	112
3. 3 Faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi pencapaian akademik (PMR) pelajar dianalisis menggunakan regresi Berganda.	122
4. 1 Histogram Frekuensi Taburan Keluarga	158
4. 2 Histogram Frekuensi Taburan personaliti	159
4. 3 Histogram Frekuensi Taburan pencapaian	160
4. 4 Lineariti Keluarga	162



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
XV

SENARAI LAMPIRAN

- A. Soal selidik
- B. Surat-Surat Kelulusan Kajian
- C. Prestasi Sekolah Berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS)
- D. Hubungan Persekutaran Keluarga Dengan Pencapaian Akademik
- E. Perhubungan Faktor Personaliti Dengan Pencapaian Akademik
- F. Dimensi persekitaran keluarga dengan pencapaian akademik



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



1.1 Pengenalan

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Tahap negara maju sesebuah negara dikenal pasti dari pembangunannya dalam sektor pendidikan negara tersebut. Oleh yang demikian, Malaysia mengatur strategi meninggikan status sosial dan ekonomi negara melalui pendidikan. Sejak negara mencapai kemerdekaan, sistem Pendidikan Kebangsaan telah mengalami perubahan kearah kemajuan dan pemantapan selaras dengan kemajuan ekonomi, sosial dan politik negara.

Perkembangan pendidikan di Malaysia jelas menunjukkan perbandingan yang ketara dalam pembangunan insan dan negara era sebelum merdeka dan zaman pasca merdeka iaitu bermula dengan era masyarakat tradisional berubah ke era penjajahan. Pihak penjajah telah memperkenalkan Sekolah Vernakular dan Sekolah Inggeris. Bagi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



memantapkan lagi sistem pendidikan pada masa itu beberapa laporan seperti Laporan Barnes 1950, Laporan Fenn-Wu 1951, Ordinan Pelajaran 1952 dan Laporan Razak 1956 dibentuk. Pendidikan selepas merdeka menunjukkan perkembangan yang ketara bermula dari tahun 1957 hingga 2010 yang memperlihatkan pelbagai usaha dalam meningkatkan mutu pendidikan di Malaysia . Ini terbukti apabila pada tahun 2007, bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi, telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang bertujuan untuk melonjakkan tahap kecemerlangan sekolah, bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, berkemampuan, dan dapat mengangkat imej sistem pendidikan negara di mata dunia (Diperolehi Februari 19, 2010 daripada <http://www.mohe.gov.my>). Seterusnya, pada tahun 2010 pula, mengikut Pengarah Pelajaran Malaysia, Tan Sri Alimuddin Mohamad Dom, pihak kerajaan



(2010, Januari 3) Sunday Times. Pelaksanaan kurikulum yang baru ini bertujuan untuk meningkatkan mutu pendidikan di Malaysia.Pelaksanaannya nanti diharapkan akan memberi keberhasilan yang positif kepada mutu pendidikan murid-murid dan menjadi pemangkin pengukuhan perpaduan negara Malaysia.

Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011 -2015) menunjukkan bahawa bidang pendidikan merupakan satu di antara bidang keberhasilan negara (NKRA) yang berfokuskan pembangunan modal insan sebagai teras utama negara dalam usaha mencapai Wawasan 2020 yang perlu diberi perhatian oleh setiap masyarakat. Penumpuan kepada tiga strategi utama dalam melahirkan modal insan kelas pertama, iaitu meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu, mengukuhkan keupayaan sains, penyelidikan dan pembangunan serta inovasi. Konsep modal insan ini penting bagi





melahirkan generasi pelapis yang berkualiti dalam menaraju negara ke arah kemajuan yang bakal dicapai terutamanya dalam menghadapi Wawasan 2020.

Modal insan kelas pertama harus memiliki sifat-sifat kesempurnaan diri bagi mencapai keunggulan diri. Konsepnya selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang diperkenalkan pada tahun 1989 yang menjadi asas kepada usaha transformasi pendidikan. Matlamat Falsafah Pendidikan Negara adalah untuk membangunkan potensi individu secara holistik dan bersepada bagi melahirkan individu yang seimbang dari segi keupayaan intelek, rohani, emosi dan jasmani. Sistem Pendidikan negara juga menekankan nilai dan etika yang menjadi asas kepada pencapaian.

Maka, dengan adanya pendidikan, ia mampu mengubah nasib diri seseorang



langsung ataupun tidak mampu memberikan satu perubahan dalam kehidupan seseorang sekaligus membawa diri jauh daripada kelompok kemiskinan dan hidup tanpa arah tujuan. Berdasarkan falsafah pendidikan yang telah dijelaskan, kita tidak boleh sekadar memandang kepentingan pendidikan dalam skop ekonomi sahaja. Malah, adalah menjadi keutamaan dalam pendidikan untuk melahirkan insan yang lengkap dengan nilai-nilai murni dan moral yang baik dalam kehidupan bermasyarakat serta peribadi khasnya. Hal ini kerana, sesuatu pembangunan negara akan lebih terjamin dengan adanya asas kehidupan yang baik dalam diri setiap individu apatah lagi kepada perintis masa hadapan negara. Selain daripada itu, tanpa pendidikan pula masyarakat kita akan menjadi mundur dan ketinggalan dalam arus modenisasi pembangunan yang sedang rancak dijalankan di negara luar. Ini dapat dibuktikan dengan Laporan United Nations Development Program (UNDP) tahun





2004 dan 2005, menyatakan bahawa indeks pembangunan manusia di Malaysia ternyata tetap rendah. Bahkan jika dibandingkan dengan IPM negara-negara di ASEAN Malaysia jauh ketinggalan dengan kedudukannya di tempat ke 58 berbanding dengan negara Singapura di tempat yang ke 25 dan Brunei Darussalam di kedudukan yang ke 33.

Selain daripada itu, menurut Ee Ah Meng (1998) pendidikan merupakan satu saluran memperbaiki dan mempertingkatkan taraf sosio ekonomi dalam masyarakat yang mempunyai sistem stratifikasi yang bersifat terbuka. Bagi menjayakan hasrat ini, faktor pencapaian akademik memainkan peranan penting dalam menentukan kehidupan yang lebih baik di masa hadapan. Taraf pendidikan yang tinggi sering dikaitkan dengan sosio ekonomi yang lebih baik (Mokhtar Yusof, 1994).



Pendidikan adalah satu aspek yang paling asas dan dasar dalam sistem kehidupan manusia. Corak dan aliran pendidikan yang begitu dinamik inilah yang menjadi faktor utama mengubah kehidupan manusia sejak zaman berzaman. Oleh itu memang wajarlah sistem dan konsep pendidikan dikaji dari masa ke semasa untuk memastikan sistem yang ada memang mendidik dan membangunkan manusia secara seimbang. (Tajul Ariffin Nordin, 1987).

Tidak ketinggalan pula pengkaji luar, John Dewey, Ahli falsafah Amerika dalam bukunya Democracy and Education (1916) menyatakan pendidikan ialah proses membentuk kecenderungan-kecenderungan asas yang berupa akal dan perasaan terhadap alam dan manusia melalui kenyataan beliau:





“Education is the process of forming fundamental (dispositions, intellectual and emotional) towards nature and fellow men”.

Manakala Prof. H.Horne pula menyatakan:

“Education is the external process of superior adjustment of the physically and mentally developed, free conscious, human being to god, as manifested in the intellectual, emotional and volitional environment of man.”

Ini membawa maksud, pendidikan adalah proses abadi bagi menyesuaikan perkembangan diri manusia dari segi jasmani, alam Aqli, kebebasan dan perasaan manusia terhadap Tuhan sebagaimana ternyata dalam alam aqliyyah, perasaan dan kemahuan manusia.(Dalam Abdul Halim El-Muhammady, 1987). Maka jelaslah di sini bahawa pendidikan ialah proses membentuk keperibadian manusia. Melalui pendidikan yang sempurna akan dapat melahirkan manusia yang dapat berinteraksi lebih baik dengan Pencipta alam dan alam itu sendiri. Oleh kerana manusia terdiri dari akal, roh dan anggota jasmani, maka pendidikan menjadikan semua itu sebagai sasaran untuk dipupuk dan dikembangkan potensinya.



Sejak 1850, beberapa pakar teori pembelajaran telah mengkaji tentang fenomena pembelajaran dan mengaplikasikan teori pembelajaran tersebut di dalam bilik darjah. Antaranya ialah Teori Pembelajaran Behavioris oleh Pavlov, Thondike, dan Skinner, Teori Pembelajaran Kognitif oleh Kohler, Gagne, Bruner dan Ausubel, Teori Pembelajaran Sosial oleh Bandura, Teori Humanis oleh Rogers dan banyak lagi teori pembelajaran yang telah diaplikasikan dalam pembelajaran. Di setiap sekolah terdapat pelbagai cara pembelajaran di kalangan pelajar seperti membaca, memerhati, berbincang, perlakuan, pembelajaran secara sendiri, pembelajaran secara berkumpulan, belajar dalam keadaan tenang, pembelajaran dengan memasang muzik dan sebagainya. Oleh yang demikian pencapaian kualiti tidak dapat





dihadarkan melalui teori-teori pembelajaran dan gaya pembelajaran seseorang pelajar tetapi ianya lebih kepada pembentukan personaliti individu itu sendiri.

Menyedari kepentingaan pendidikan, Malaysia telah mengalami perubahan dalam corak kurikulumnya selaras dengan kehendak semasa seperti Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), Sijil Terbuka, Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) dan sebagainya telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi meningkatkan mutu pendidikan negara. Pada dasarnya segala perubahan yang telah disebutkan mempunyai objektif yang murni. Berjaya atau gagalnya sesuatu dasar atau objektif tersebut antara lain bergantung kepada tahap pencapaian kelompok terbesar dalam pendidikan iaitu pelajar (Rafidah, 2006).



ahli akademik untuk memperbaiki pencapaian para pelajar. Tidak dinafikan penyusunan sistem kurikulum adalah untuk meningkatkan pencapaian pelajar-pelajar (Morison dan McIntyre 1975; Zainuddin 2000). Masalah pencapaian pelajar bukan sahaja mendapat perhatian yang serius dari ahli akademik malah kebimbangan ibu bapa yang menghantar anak ke sekolah juga semakin serius. Ibu bapa mendapati pergaulan anak-anak dengan rakan sebaya memberikan pengaruh yang besar dalam kehidupan harian dan masa depan anak-anak. Anak-anak lebih mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya dalam segala tindakan atau kelakuan. Ini adalah kerana remaja mempunyai prinsip, nilai dan identiti yang hampir sama. Anak-anak lebih mempercayai dan meyakini kawan daripada ibu bapa sehingga mereka sukar untuk membezakan antara perkara baik dengan perkara yang buruk. Apabila anak-anak bergaul dengan rakan yang bermasalah seperti ponteng sekolah dan menghisap rokok,





mereka juga akan mengikut jejak rakan sebaya itu dan hilang minat untuk belajar. Untuk menangani hal ini, ibu bapa mestilah mengenali latar belakang setiap rakan sebaya anak mereka dan mengenal pasti perubahan yang berlaku kepada anak-anak mereka pada setiap masa.

Kenyataan Chong Wai Leng dalam bukunya Learning Beyond Schooling (2008) "Kanak-kanak pada masa ini terdedah kepada teknologi dan belajar daripada iPad sejak mereka masih dalam perut, tetapi kemudian terpaksa ke sekolah dan menggunakan kerusi meja kayu, dan perlu berdepan dengan kerja sekolah yang banyak " juga jadi kebimbangan ibu bapa yang berstatus tinggi terhadap suasana pembelajaran anak-anak di sekolah masa kini.



peperiksaan yang diduduki oleh individu tersebut. Kegagalan atau pencapaian yang rendah dalam peperiksaan, selalunya menjadi persoalan utama ibu bapa, masyarakat dan kerajaan. Justeru itu kekaburuan dalam mengenal pasti faktor-faktor tersebut akan menjadi kemajuan yang ingin diwujudkan kepada pencapaian pelajar menjadi bertambah rumit dan akhirnya turut dinafikan. Walaubagaimanapun dalam kajian ini faktor-faktor persekitaran keluarga dan personaliti pelajar adalah dirasakan lebih penting dan perlu dikaji dengan lebih mendalam.





1.2 Latar Belakang Kajian

Pencapaian kecemerlangan prestasi dalam akademik menjadi isu masyarakat memandangkan generasi muda adalah golongan yang akan meneraju pucuk pimpinan negara pada masa akan datang. Oleh yang demikian, pembinaan generasi muda harus difokuskan kepada pembentukan manusia yang berkualiti dengan memiliki personaliti yang mampu menempoh segala cabaran dalam kehidupan. Ketidak prihatinan ini akan menjelaskan pembangunan negara kerana para pelajar di bangku sekolah sekarang merupakan aset utama negara dan bakal menentukan corak masyarakat pada masa hadapan. Oleh kerana tahap pendidikan menentukan maju atau mundurnya sesebuah negara, maka kerajaan terus mengutamakan pembiayaan institusi pendidikan. Ini terbukti dalam belanjawan 2005 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 10



daripada peruntukan keseluruhan RM117.4 bilion (Berita Harian, 2004). Jumlah tersebut hampir mencapai satu perempat daripada peruntukan mengurus dalam tahun 2005, segaligus menjadi jumlah tertinggi dalam sejarah badjet negara (Siti Salina Abdullah, 2008).

Berdasarkan komitmen yang besar oleh kerajaan dalam mengembangkan sektor pendidikan di Malaysia dan pencapaian pendidikan dengan mengadakan program-program seperti program intervensi 2M (membaca dan mengira) sekolah menengah untuk mengatasi masalah murid tidak pandai membaca dan kelas 'galus' bagi pelajar-pelajar yang berkemungkinan gagal atau lulus, bengkel akademik, kem motivasi dan kemudahan-kemudahan lain dibekalkan secara berterusan. Situasi ini





memberi keyakinan bahawa pelajar-pelajar masa kini tidak menghadapi masalah kekurangan dalam pembelajaran di sekolah.

Berdasarkan keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), didapati bilangan pelajar yang lulus telah bertambah dari tahun ke tahun sehingga tahun 2011. Menurut Buku Laporan Lembaga Peperiksaan 2012, Bilangan yang melepas tahap penguasaan minimum (minimum gred D termasuk semua A) dalam semua mata pelajaran yang diduduki, menurun seramai 3,664 calon (0.75%), iaitu 303,573 calon (68.90%) bagi tahun 2012 berbanding 307,237 calon (69.65%) bagi tahun 2011. Walau bagaimanapun, bilangan yang tidak mencapai tahap penguasaan minimum (gred E) dalam semua mata pelajaran yang diduduki pula menurun seramai 105 calon (0.03%), iaitu daripada 346



Laporan Lembaga Peperiksaan 2012, KPM). Oleh yang demikian, peningkatan ini tidak dapat dibanggakan memandangkan pertambahan perbelanjaan bagi bidang pendidikan dengan hasil pencapaian didapati ianya tidaklah memberangsangkan. Sejumlah besar daripada pelajar yang lulus berada di peringkat pencapaian yang sederhana sahaja dan bukannya pada tahap cemerlang. Dengan erti kata lain, keputusan peperiksaan mereka tidak begitu baik dan memuaskan.

Menurut Yong Chooi Yean (2007), sebahagian besar pelajar yang menunjukkan prestasi akademik yang rendah dan kemudian tercicir dari sekolah sering menimbulkan masalah sosial. Mereka juga dilaporkan selalu membuang masa melakukan kegiatan yang tidak berfaedah seperti merokok, merempit, menagih dadah dan sebagainya. Aspirasi pendidikan dan kerjaya untuk masa depan adalah rendah, di





samping itu daya saing antara mereka untuk berjaya juga kurang. Situasi begini menimbulkan beberapa persoalan berkaitan dengan mengapa pelajar melibatkan diri dalam kegiatan negatif yang menggugat kesejahteraan sosial, memandangkan dalam era ledakan informasi teknologi maklumat, isu pencapaian akademik anak-anak menjadi fokus utama perbincangan dalam kalangan ibu bapa, guru dan masyarakat.

Sistem pendidikan dapat membendung perkembangan struktur sosial yang sedia ada dengan perhitungan kepada nilai-nilai baru; dengan memberi tumpuan kepada nilai-nilai tersebut dalam perkembangannya, atau melahirkan suatu kelompok masyarakat baru natijah di mana ia merupakan jentera pembaharuan (*modernization*).

Adakah faktor personaliti pelajar yang menggugat kedudukan diri sendiri sebagai pelajar yang cemerlang dalam akademik? Bagaimana pula dengan pengaruh keluarga terhadap pencapaiaan akademik pelajar?

Maka adalah menjadi objektif kajian ini untuk melihat dengan lebih dekat pengaruh pencapaian pelajar dari segi personaliti dan pengaruh keluarga dalam menentukan kecemerlangan pencapaian seseorang pelajar. Ianya juga wajar menurut Tajul Ariffin Nordin, (1987), mendapati adalah wajar sistem dan konsep pendidikan dikaji dari semasa ke semasa untuk memastikan sistem yang diamalkan sentiasa dapat mendidik dan membangunkan manusia secara paling seimbang.





1.3 Pernyataan Masalah

Institusi pendidikan memainkan peranan yang cukup besar dalam mendidik ke arah memenuhi matlamat dan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Matlamat utama institusi pendidikan adalah untuk menyediakan dan melengkapkan pelajar dalam menghadapi pekerjaan dan dunia sebenar. Bagi memastikan sekolah melaksanakan tugas ini dengan baik, maka prestasi anak didiknya dijadikan kayu pengukur. Ilmu pengetahuan yang diperoleh melalui proses pembelajaran adalah suatu perkara yang penting kepada semua pelajar sebelum mereka menjakkan kaki ke alam pekerjaan.

Menurut Sheal (1994) pembelajaran ialah proses mental atau fizikal yang membawa kepada perubahan dalam tingkah laku. Kebijaksanaan bukan suatu elemen yang statik tetapi adalah satu sistem dinamik, terbuka yang sentiasa berkembang sepanjang hayat. Kebanyakan proses pembelajaran yang signifikan adalah daripada apa yang telah kita lakukan iaitu melalui tindakan dan pemerhatian. Menurut Honey dan Mumford (2000), pembelajaran telah berlaku apabila manusia boleh mempamerkan sesuatu yang baru, sama ada dalam bentuk pemahaman, kesedaran, kemahiran. Dalam proses pembelajaran ini terdapat beberapa kecenderungan yang dimiliki dan diamalkan oleh individu. Kecenderungan ini termasuklah kecenderungan untuk memiliki pengalaman semasa mempelajari sesuatu, kecenderungan untuk mengimbas kembali, kecenderungan untuk membuat kesimpulan dan kecenderungan memastikan implementasi.

Hargreaves (1996), pembelajaran sebenarnya tiada hubungan dengan penambahan pengetahuan, mengingat semula apa yang telah dipelajari. Sebaliknya

